

VTL diperluas berperingkat

UM - 30/11/2021 m/s: 3

Oleh AMREE AHMAD

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia dan Singapura bersetuju memperluaskan lagi jenis pengangkutan darat selain menambah destinasi penerbangan bagi skim Laluan Perjalanan Vaksinasi (VTL).

Ia antara berita gembira diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi sidang akhbar bersama dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

“Kami bersetuju VTL-Land selepas ini boleh meliputi perkhidmatan bas melalui Jambatan Kedua dan operasi tren Keretapi Tanah Melayu (KTM),” kata Ismail Sabri di Singapura semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri yang dalam lawatan rasmi julung kali ke republik itu melancarkan VTL-Land bersama rakan sejawatannya dengan melepaskan bas pertama syarikat TranStar ke Johor.

Lebih unik, Ismail Sabri menjadi pemimpin pertama negara merentasi Tambak Johor menuju Pusat Pemeriksaan Woodlands



ISMAIL SABRI Yaakob ketika bertemu Lee Hsien Loong sebagai simbolik pelancaran VTL secara rasmi di Woodlands, Singapura semalam. - IHSAN RTM

di Singapura sebelum disambut oleh Hsien Loong.

Seramai 46 pengembara warga Malaysia menjadi kumpulan sulung program khas itu menyeberangi Tambak Johor sejak hampir dua tahun ditutup susulan ancaman Covid-19.

lan ancaman Covid-19.

Turut bermula serentak pagi semalam ialah penerbangan awam pertama di bawah VTL-Air dengan 240 penumpang berlepas dari Changi ke Kuala Lumpur menaiki pesawat Singapore Air-

lines.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, kedua-dua negara bersetuju supaya VTL-Land akan ditambah melibatkan kenderaan persendirian termasuk kereta dan motosikal.